

13/05/2003

Pemimpin pelbagai kaum akui fungsi penting Umno

Hassan Omar; Magendran Rajagopal

KUALA LUMPUR: Pemimpin yang mewakili pelbagai kaum mengakui peranan Umno, selaku tunjang Barisan Nasional (BN), dalam mengekalkan kestabilan politik

dan kemakmuran negara sejak merdeka.

Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata negara aman kerana ditadbir secara adil dan saksama dengan mengambil kira kepentingan serta kebajikan pelbagai kaum.

"Pelbagai bantuan turut disediakan kepada masyarakat India, umpamanya peruntukan bagi menaik taraf sekolah Tamil, skim pinjaman kecil dan dana khas bagi pembanterasannya gejala sosial di kalangan masyarakat India.

"MIC selaku parti mewakili kaum India percaya hanya BN dapat membela nasib rakyat pelbagai kaum. Sebab itu MIC akan sehidup semati bersama Umno

dalam memperjuangkan matlamat ini," katanya yang juga Menteri Kerja Raya,

ketika dihubungi semalam.

Malam kelmarin, pada majlis sambutan ulang tahun penubuhan Umno ke-57 di

Stadium Merdeka, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Umno banyak berjasa kepada negara serta rakyatnya dan terbukti memberi nikmat kepada semua, terutama orang Melayu.

Perdana Menteri yang juga Presiden Umno, menegaskan tidak seorang pun boleh mendakwa mereka tidak mendapat nikmat hasil daripada perjuangan Umno

yang meletakkan kepentingan bangsa, agama dan tanah air sebagai matlamat utama.

Timbalan Pengerusi MCA Selangor, Datuk Donald Lim Siang Chai, berkata kekuatan Umno mengukuhkan BN secara keseluruhannya.

"Jika Umno kuat, seluruh BN akan kuat dan begitu juga sebaliknya. Kemampuan Umno sebagai parti utama dalam BN membawa masuk pelaburan asing,

berjaya meningkatkan sosio ekonomi rakyat.

"Kita tidak boleh menafikan jasa Umno kepada negara. Oleh itu, seluruh masyarakat harus berterima kasih kepada kerajaan yang ditunjangi Umno," katanya.

Presiden Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP), Datuk M Kayveas, juga

berkata rakyat mesti menghargai jasa kerajaan BN, termasuk Umno, kerana berjaya meningkatkan tahap sosio ekonomi mereka dalam tempoh singkat.

"Layanan kerajaan serta penyaluran bantuan yang adil dan saksama kepada

rakyat pelbagai kaum juga menjadi dasar penting dalam mewujudkan satu bangsa Malaysia yang mengutamakan keharmonian," katanya.

Sementara itu, Setiausaha Agung Kongres India Muslim Malaysia (Kimma), Amir Amsaa Alla Pitchay, berkata masyarakat pelbagai kaum tidak boleh menafikan nikmat yang diperolehi hasil pembangunan yang dibawa Umno selaku

tunjang BN.

"Apa yang dinyatakan Perdana Menteri itu memang benar. Semua kaum di negara ini menikmati pembangunan negara secara adil dan saksama," katanya.

Presiden Persatuan Pesara Kerajaan, Tan Sri Abdullah Ayub bagaimanapun berkata, masih ramai rakyat yang tidak sedar mengenai nikmat pembangunan yang dibawa Umno dan BN.

Menurutnya, golongan berkenaan bukan setakat tidak mengenali sejarah perjuangan Umno menuntut kemerdekaan, malah memperlekeh jasa Umno memajukan negara.

"Pelbagai nikmat pembangunan hari ini seharusnya menjadikan rakyat sayang terhadap negara dan parti yang memelihara keamanan. Golongan yang tidak berterima kasih ini harus menilai semula sumbangan mereka kepada negara," katanya.